

# HAK DAN TANGGUNGJAWAB PESAKIT



Penjagaan kesihatan merupakan satu proses dua hala antara anda sebagai pesakit dan pasukan kesihatan yang merawat anda. Kami ingin anda menganggap diri anda sebagai rakan kongsi dalam proses rawatan dan menggalakkan anda berkomunikasi secara terbuka dengan kami serta terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses rawatan anda. Anda juga akan dimaklumkan mengenai hak-hak serta tanggungjawab anda sepanjang tempoh rawatan di hospital ini.

## HAK-HAK ANDA TERMASUK:-

1. Diberikan rawatan dengan bertimbang rasa, dihormati, belas kasihan tanpa mengira umur, jantina, bangsa, negara asal, orientasi seksual ataupun keadaan fizikal.
2. Menerima penjagaan dalam persekitaran yang selamat, bebas daripada segala bentuk pengabaian dan penderaan.
3. Dipanggil dengan nama yang betul dan juga diberitahu nama-nama doktor, jururawat dan ahli pasukan kesihatan yang terlibat dalam proses rawatan anda.
4. Memberitahu ahli keluarga, ibu bapa atau penjaga yang sah (bagi yang di bawah umur) atau doktor peribadi anda tentang kemasukan anda ke hospital.
5. Diberitahu oleh doktor mengenai diagnosis dan prognosis anda, faedah, risiko dan kesan rawatan yang diharapkan termasuk kesan luar jangkaan.
6. Memberi keizinan secara bertulis sebelum sebarang prosedur atau pembedahan bukan kecemasan seperti yang diperuntukkan dalam **Section 47, Private Healthcare Facilities And Services Act And Regulations (PHFSA)(1998)**.
7. Kecuali bagi kes-kes kecemasan dan keadaan yang mengancam nyawa, Seksyen 47 PHFSA boleh diketepikan jika seseorang doktor berpendapat bahawa sebarang kelewatan untuk mendapatkan keizinan itu akan membahayakan nyawa pesakit seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 48, PHFSA (1998).
8. Mendapat penilaian tentang tahap kesakitan anda dan terlibat dalam pengurusan kesakitan anda.
9. Bebas daripada sekatan atau pengasingan sekiranya tidak diperlukan dari aspek perubatan.
10. Privasi dan kerahsiaan anda dalam perbincangan, pemeriksaan dan rawatan adalah dijaga. Anda boleh meminta pengiring (*chaperone*) semasa pemeriksaan.
11. Diberi perlindungan dan perkhidmatan sokongan mengikut keperluan perundangan bagi kes penderaan atau pengabaian.
12. Ahli keluarga, ibu bapa atau penjaga yang sah (bagi yang di bawah umur) dengan kebenaran anda, mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan tentang penjagaan, rawatan dan perkhidmatan yang disediakan untuk anda termasuk hak untuk menolak rawatan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
13. Sekiranya anda menolak apa-apa bentuk rawatan atau meninggalkan hospital tanpa kebenaran doktor, pihak hospital tidak akan bertanggungjawab atas sebarang implikasi yang berlaku.

14. Bersetuju atau menolak untuk mengambil bahagian dalam kajian penyelidikan perubatan. Pada bila-bila masa, anda boleh menarik diri daripada kajian tersebut.
15. Berhak untuk berkomunikasi dalam mana-mana bahasa yang anda fahami. Kami akan cuba menyediakan seorang jurubahasa sekiranya perlu.
16. Menyediakan wasiat perubatan (*advance directive*) atau jika anda tidak berupaya, anda boleh melantik seseorang untuk membuat keputusan penjagaan kesihatan untuk anda.
17. Melibatkan diri dalam pelan discaj anda. Anda akan dimaklumkan tentang discaj atau pemindahan ke fasiliti rawatan yang lain. Anda akan diberitahu mengenai penjagaan susulan yang diperlukan sebelum discaj.
18. Diberitahu mengenai caj-caj rawatan hospital ke atas anda.
19. Diberi jaminan bahawa semua komunikasi dan rekod-rekod mengenai penjagaan anda adalah sulit, melainkan jika pendedahan itu dibenarkan oleh undang-undang. Anda mempunyai hak untuk mendapatkan salinan laporan perubatan dalam jangka masa yang munasabah setelah menjelaskan bayaran mengikut **Akta Fee Perubatan 1951** melalui Jabatan Rekod Perubatan.
20. Mendapat perkhidmatan rohani atau keagamaan.
21. Mempunyai hak untuk menyampaikan kebimbangan anda tentang penjagaan yang anda terima. Jika anda mempunyai masalah atau aduan, kami menggalakkan anda untuk membincangkan masalah tersebut dengan doktor, jururawat atau ketua jabatan berkenaan. Anda boleh menyampaikan kebimbangan anda secara lisan atau bertulis.

## TANGGUNGJAWAB ANDA

1. Memberi maklumat yang lengkap dan tepat, termasuk nama penuh, dokumen pengenalan, alamat, nombor telefon, tarikh lahir, nama majikan apabila diperlukan. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memaklumkan pihak hospital sekiranya maklumat seperti di atas telah berubah atau dikemaskini.
2. Memakai ID hospital sepanjang tempoh anda di wad. Sila berikan maklumat terkini yang betul kepada staf wad sekiranya ada pembetulan. ID yang baru dengan maklumat yang betul akan disediakan.
3. Memberi salinan wasiat perubatan (*advance directive*) kepada pihak hospital sekiranya ada.

4. Memberi maklumat yang lengkap dan tepat mengenai kesihatan dan sejarah perubatan anda, termasuk keadaan semasa, penyakit masa lalu, kemasukan ke hospital, ubat, vitamin, produk herba yang diambil dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan kesihatan anda.
5. Memaklumkan pihak hospital berkenaan pengambilan ubat-ubatan di rumah termasuk ubat-ubatan alternatif yang anda bawa dari rumah.
6. Mengemukakan soalan apabila anda tidak memahami maklumat atau arahan yang diberikan. Jika anda tidak boleh mengikuti pelan rawatan, anda bertanggungjawab untuk memberitahu doktor.
7. Bertanggungjawab ke atas implikasi perubatan jika tidak mengikuti pelan penjagaan, rawatan dan perkhidmatan yang disediakan.
8. Terlibat dengan aktif dalam pengurusan kesakitan anda dan memberitahu doktor atau jururawat tentang keberkesanan rawatan yang diterima.
9. Meninggalkan barang-barang berharga di rumah dan hanya membawa barang yang diperlukan sahaja sepanjang tempoh anda di wad.
10. Sebagai seorang pesakit, anda bertanggungjawab untuk melayan kakitangan hospital dengan penuh rasa hormat. Anda boleh didakwa sekiranya anda melanggar peraturan dan menyebabkan gangguan di premis hospital.
11. Melayan pesakit lain dan pelawat dengan sopan-santun dan rasa hormat; mematuhi semua peraturan hospital dan peraturan keselamatan; tidak menyalahgunakan kemudahan hospital dan prihatin terhadap tahap bunyi, privasi dan bilangan pelawat.
12. Memberikan maklumat lengkap dan tepat mengenai perlindungan insurans kesihatan anda dan membayar bil anda dalam jangka masa yang ditetapkan.
13. Menghadiri temu janji tepat pada masa yang dijadualkan atau menghubungi pihak hospital / klinik sekiranya anda perlu membatalkan atau menangguhkan temu janji.
14. Mematuhi undang-undang tempatan, negeri dan persekutuan.

**Jika masalah anda tidak diselesaikan seperti apa yang anda inginkan, anda juga boleh menghubungi jawatankuasa aduan kami dengan menghantar aduan melalui peti cadangan kami atau hubungi:-**

**Pengarah Hospital,  
Hospital Sarikei,  
Jalan Rentap,  
96100 Sarikei, Sarawak.  
Tel: 084-653333 Fax: 084-653409**